

13 JAN 2002

Singapura-PAS/I

STRAITS TIMES S'PURA, JANE'S INTELLIGENCE, MINTA MAAF PADA PAS

SINGAPURA, Jan 13 (Bernama) -- Akhbar Straits Times Singapura dan Jane's Intelligence Review memohon maaf kepada parti pembangkang Islam Malaysia, Parti Islam SeMalaysia (PAS), berhubung satu artikel oleh majalah pertahanan itu yang melaporkan PAS mempunyai hubungan politik dengan rangkaian penganas Al-Qaeda.

"Jane's Intelligence Review kini faham bahawa dakwaan itu adalah tidak betul dan ingin menarik balik kenyataan itu pada kesempatan ini," kata editornya Chris Aaron dalam satu kenyataan semalam kepada Sunday Times, penerbitan milik Straits Times.

Majalah itu juga dalam laporannya itu menyatakan bahawa ibupejabat PAS "mempamerkan poster Osama bin Laden yang menggambarkan pemikiran PAS terhadap Al-Qaeda."

Sunday Times menyatakan Jane's Intelligence Review dan Straits Times, yang mengeluarkan semula artikel itu pada 4 Jan, juga ingin memohon maaf kepada PAS kerana menerbitkan dakwaan yang tidak betul itu.

PAS telah menafikan sebarang hubungan dan menuntut Straits Times memohon maaf.

Artikel yang sama telah menimbulkan kemarahan kerajaan Malaysia kerana melaporkan bahawa serangan 11 Sept di Amerika Syarikat dapat dielakkan jika Malaysia telah memintas dan menahan dua orang yang disyaki yang terlibat dalam serangan itu semasa mereka berada di Malaysia pada Januari tahun lepas.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata negara itu tidak sepatutnya dipaksa berkongsi kesalahan itu kerana dua orang yang disyaki itu telah memasuki Malaysia sebagai pelancong.

Beliau berkata pihak berkuasa Amerika Syarikat sendiri sepatutnya menahan orang yang disyaki itu kerana mereka telah tinggal di negara itu selama hampir setahun sebelum serangan itu.

Pita pengawasan mengenai orang yang disyaki itu di Malaysia juga telah diberikan kepada Agensi Risikan Pusat.

-- BERNAMA

TCL RHM